

TEKS



اُنِيُوَسِيْتِي تِكْنُوْلُوْجِي مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

UCAPAN

YBHG. PROFESOR DATUK DR. HAJAH ROZIAH

MOHD JANOR

NAIB CANSELOR UiTM

Diwakili oleh:

YBHG. PROFESOR DR. HJ. MOHD SAZILI SHAHIBI

TIMBALAN NAIB CANSELOR

HAL EHWAL PELAJAR, UiTM

SEMPENA

MAJLIS PEMUKIMAN

MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP)

UiTM SE-MALAYSIA SESI 2022/2023

5 MAC 2023 | AHAD | 8.30 MALAM

DEWAN BESAR,

UiTM PERMATANG PAUH, PULAU PINANG

Bismillahirrahmanirrahim

[SALUTASI – kemaskini berdasarkan kehadiran]

Yang Berbahagia...

**Dan Para Majlis Perwakilan Pelajar yang diraikan
serta hadirin sekalian.**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT atas limpah kurnia-Nya dapat kita bersama berkumpul di dewan yang penuh bersejarah ini sempena **Majlis Pemukiman Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UiTM SE-MALAYSIA SESI 2022 / 2023.**

2. Sehubungan itu, saya **mewakili Naib Canselor UiTM, YBhg. Profesor Datuk Dr. Hajah Roziah Mohd Janor** merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada 241 orang MPP sesi 2022/2023 Se-Malaysia atas lantikan yang telah bermula pada awal Januari lalu.

3. Lantikan semua MPP sebagai pengerak badan kepimpinan pelajar yang utama di Universiti Teknologi MARA hanya diberikan kepada mereka yang telah berjaya melalui fasa pemilihan dan mematuhi peraturan yang termaktub dalam Akta 174 di bawah Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976. **Tahniah.**

4. Majlis Pemukiman dan Kursus Pengurusan Organisasi Majlis Perwakilan Pelajar yang dianjurkan oleh **Bahagian Hal Ehwal Pelajar** bertujuan untuk memantapkan lagi pengurusan serta kepimpinan MPP UiTM dalam memberikan khidmat bakti kepada mahasiswa khususnya.

5. Oleh itu, pengiktirafan ini diadakan bagi menyuntik semangat MPP dalam memperjuangkan isu mahasiswa. MPP merupakan perantaraan yang mewakili suara-suara mahasiswa agar pihak Univerisiti lebih cakna dengan keadaan dan isu yang berlaku dalam kalangan mahasiswa.

6. Pada masa yang sama, MPP yang merupakan satu organisasi pelajar tertinggi universiti juga merupakan platform untuk melahirkan pemimpin dan individu yang cemerlang dalam segala aspek bukan sahaja di peringkat universiti malah bermanfaat kepada masa depan negara.

7. Hal ini berkait dengan salah satu aspirasi Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi dalam amanat beliau pada Januari lalu tentang pemerkasaan mahasiswa. Mahasiswa seharusnya diberikan lebih banyak ruang dan peluang agar mereka lebih cekap dan berani dalam memimpin.

8. Walau bagaimanapun, perkara ini akan diperincikan dengan lebih teliti melalui perbincangan bersama MPP dengan pihak pengurusan UiTM sebelum kita melaksanakannya secara berperingkat.

Hadirin yang dihormati sekalian,

9. MPP merupakan platform terbaik buat mahasiswa mengembangkan ilmu kepimpinan dalam diri mereka. Saya percaya inisiatif ini bukan sahaja dapat melahirkan lebih ramai pelajar yang beretika dalam bidang kepimpinan universiti, malah turut menyumbang terhadap pembangunan modal insan kompeten seterusnya dapat memenuhi kebolehpasaran global.

10. Namun, jawatan ini bukanlah sekadar kemuliaan. Ia juga merupakan amanah yang perlu dipikul sehingga ke akhirnya. Gunakanlah peluang ini sebaik mungkin demi kemajuan kita bersama. Moga dengan pelantikan ini, kita dapat bersama-sama meningkatkan jati diri, sikap peribadi unggul, kemahiran kepimpinan dan profesional, seterusnya menanam semangat patriotisme dan nasionalisme.

11. MPP perlu menjadi contoh tauladan yang baik dan terus menerapkan nilai ESI iaitu **Kecemerlangan, Sinergi** dan **Integriti** di samping menerapkan nilai iDART dalam diri iaitu **Ilmu, Disiplin, Amanah, Rajin** dan **Tanggungjawab** sebagai intipati utama dalam membuat keputusan dan tindakan. Nilai-nilai ini merupakan asas kepada produktiviti, penambahbaikan seterusnya menyumbang kepada kelestarian kehidupan.

12. Mahasiswa sewajarnya sedar akan kepentingan keseimbangan akademik dan penglibatan aktiviti di luar kelas. Untuk menjadi mahasiswa yang proaktif dan berkebolehan, mahasiswa haruslah mementingkan

kemahiran insaniah dalam diri. Ia selari dengan tujuan Program Aspirasi DNA UiTM (PADU) untuk membantu melahirkan produk UiTM yang berkualiti, berprestasi serta berfikiran global dan bersikap rumpun.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

13. Saya yakin MPP UiTM akan terus mencipta kecemerlangan dan komited dalam merealisasikan hasrat UiTM ke arah menjadi Univerisiti Terkemuka Dunia menjelang 2025.

14. Kami akan sentiasa menyokong cita-cita dan inisiatif MPP dalam memperjuangkan isu mahasiswa selagi selari dengan aspirasi UiTM dan keperluan mahasiswa.

15. UiTM juga akan terus berusaha untuk menyediakan kelengkapan ekosistem yang konstruktif supaya mahasiswa UiTM mampu bersaing pada peringkat antarabangsa.

16. Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah kepada Bahagian Hal Ehwal Pelajar yang telah dianugerahkan **Insentif Kecemerlangan Pengarah Pengeraju 2022, Pencapaian Skor i-UiTM 2022 Pengarah Pengeraju** iaitu sebanyak 100% dan **Anugerah Kecemerlangan Strategic Action Plan (SAP) 2022** bagi **Kategori Pengarah Pengeraju**. Pencapaian ini tidak akan terhasil tanpa kerjasama dan sokongan daripada Profesor Dr. Haji Mohd Sazili Shahibi, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar).

17. Sekali lagi, syabas dan tahniah buat semua Majlis Perwakilan Pelajar yang dipilih untuk memimpin mahasiswa UiTM.

18. Saya mewakili Naib Canselor UiTM, dengan lafaz '*Bismillahirrahmanirrahim*', merasmikan **Majlis Pemukiman dan Penyampaian Watikah Majlis Perwakilan Pelajar UiTM Se-Malaysia sesi 2022/2023**.

Sekian.

**Wabillahitaufiq Walhidayah Wassalaamualaikum,
Warahmatullahi Wabarakatuh.**